

BAB

SATU

BAB SATU

PENDAHULUAN

Al-Qur'an al-Karim adalah kitab hidayah, ia adalah roh dan kehidupan, cahaya dan sinaran, penawar serta ubat dan juga merupakan sebuah perlembagaan serta cara hidup. Al-Qur'an adalah kitab akidah dan kepercayaan, kitab ibadah dan ketaatan, kitab fekah dan hukum-hakam, kitab dakwah dan gerakan jihad serta perjuangan.

Al-Qur'an adalah kitab umat Islam, sistem dan cara hidup mereka, panduan dan pimpinan mereka. Justeru itu, Allah S.W.T. mewajibkan mereka supaya memahami dan menghayati isi kandungannya, mengkaji dan mendalami maksud dan tujuannya.

Firman Allah S.W.T. :

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْقُرْآنَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا
كَثِيرًا (82)

Surah al-Nisā` (4):82

Maksudnya:

*Maka adakah mereka tidak memperhatikan al-Qur'an ?
Kalau kiranya al-Qur'an itu bukan dari sisi Allah, tentulah
mereka mendapati pertentangan yang banyak di dalamnya."*

Dan firman-Nya lagi :

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْقُرْآنَ أَمْ عَلَى قُلُوبٍ أَقْفَالُهَا (24)

Surah Muḥammad (47): 24

Maksudnya:

*"Maka apakah mereka tidak memperhatikan al-Qur'an,
ataukah hati mereka terkunci."*

Menerusi ayat-ayat tadi, Allah S.W.T. menjelaskan kepada kita bahawa al-Qur'an diturunkan adalah untuk diperhati dan diamati ayat-ayatnya, dengan itu akan lahirlah kefahaman, ilmu pengetahuan dan peringatan. Sesungguhnya pemerhatian seperti ini merupakan jalan kepada pembentukan jiwa, pencapaian ilmu yang bermanfaat dan mentaliti yang mantap, kerana ia sebenarnya akan memberikan daya aktif kepada minda dan menggerakkannya ke arah tindakan yang lebih bermanfaat dan produktif.

Firman Allah S.W.T. :

كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكًا لِيَذَّبَ آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُوا الْأَلْبَابِ (29)

Surah Şād (38): 29

Maksudnya:

" Ini adalah sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu penuh dengan berkah supaya mereka memerhatikan ayat-ayatnya dan supaya mendapat pelajaran orang-orang yang mempunyai fikiran".

Kewajipan pemerhatian terhadap al-Qur'an tidak akan berakhir sehingga ke hari kiamat, walaupun akal fikiran manusia telah mencapai kemuncaknya. Namun begitu, al-Qur'an tetap tidak pernah kering daripada berbagai ilmu pengetahuan, pengajaran dan petunjuk. Justeru itu, ayat di atas menegaskan bahawa al-Qur'an adalah kitab penuh berkah. *Barakah* bermaksud berkembang dan bertambah. Memang keberkatan al-Qur'an mencakupi setiap bidang dan aspek. Ia berkah dari segi sumbernya, ia berkah kepada pembawanya dan orang yang diturunkan kepadanya, berkah dari segi peranan dan tugasnya, berkah pada

bentuknya, berkah pada isi kandungan dan petunjuknya, pada ilmu dan pengetahuannya, dan berkah pada semua hal dan selama-lamanya.¹

Selain daripada itu, Allah S.W.T menyatakan bahawa kitab-Nya itu bukanlah sesuatu yang sukar difahami. Bahkan ia dipermudah untuk kefahaman dan kajian, hafazan dan ulangkaji, seterusnya untuk diamal dan dipraktikkan. Dalam hal ini, Allah S.W.T. berfirman :

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدْكِرٍ (17)
Surah al-Qamar (54): 17

Maksudnya :

"Dan Sesungguhnya telah Kami mudahkan al-Qur'an untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah orang yang mahu mengambil pengajaran dan pelajaran (daripadanya) ?"

Namun begitu, tidaklah bermakna bahawa al-Qur'an sebagai kitab *samawi* itu boleh difahami oleh semua orang tanpa syarat. Tidaklah bererti ayat-ayatnya boleh dimengerti dan ditafsirkan oleh siapa sahaja yang bukan ahlinya. Di sana terdapat banyak nas-nas dan dalil-dalil yang menunjukkan celaan dan ancaman terhadap orang yang tidak berkelayakan tapi berani memperkatakan tentang al-Qur'an. Antara lain sabda Rasulullah S.A.W.:

من قال في القرآن بغير علم فليتبوأ مقعده من النار²

Maksudnya :

"Barangsiapa yang memperkatakan tentang al-Qur'an dengan fikirannya atau tanpa ilmu, maka bersedialah mengambil tempatnya di neraka."

¹ Ṣalāh 'Abd al-Fattāḥ al-Khālidi (1986), *Taṣwīb fī Fahm ba'd al-Āyā*. Dimisyq : Dār al-Qalam, h. 11.

² Abū 'Isā, Muḥammad bin Saurah al-Tirmidhi (t.t) *Sunan al-Tirmidhi* Beirūt : Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, j. 5, h. 199, no. 2950, *Kitāb Tafsīr al-Qur'ān – Mā Jā'a fī alladhi Yufassir al-Qur'ān bi Ra'yih*.

Di sinilah letaknya kepentingan tafsir al-Qur'an yang dipelopori oleh Rasulullah S.A.W. sendiri. Bagindalah mufasssir pertama kepada al-Qur'an pada zaman sahabat r.a. Dalam hal ini, Allah S.W.T. berfirman :

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ (44)

Surah al-Nahl (16) : 44

Maksudnya:

"Dan Kami turunkan kepadamu al-Qur'an agar kamu menerangkan kepada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka berfikir".

Syaykh Muḥammad °Abd al-°Azīm al-Zarqānī berkata : "Tafsir merupakan kunci untuk membuka perbendaharaan dan mutiara yang terkandung dalam kitab al-Qur'an yang diturunkan Allah untuk memperbaiki manusia, menyelamatkan mereka serta membawa kecemerlangan kepada dunia. Tanpa ilmu tafsir tidak mungkin bagi seseorang akan sampai kepada khazanah tersebut, walaupun manusia menyebut lafaz-lafaz al-Qur'an berulang kali secara bersungguh-sungguh, membacanya setiap hari beribu kali sekalipun".³ Ia tidak akan mencapai matlamat sebenar diturunkannya dari langit.

Jelasnya, al-Qur'an al-Karim mengandungi seribu rahsia untuk keperluan manusia baik di dunia mahupun di akhirat. Rahsia-rahsia itu tidak akan dapat dimanfaatkan kecuali dengan memahami dan meneliti ayat-ayat al-Qur'an. Pemahaman dan penelitian tidak akan dapat dilakukan tanpa pentafsiran al-Qur'an. Pentafsiran tidak harus dilakukan kecuali apabila seseorang itu memiliki

³ Muḥammad °Abd al-°Azīm al-Zarqānī (t.t.), *Manāhil al-°Irfān fi °Ulūm al-Qur'ān*, Beirut : Dār Ihyā' al-Turāth al-°Arabī, j. 1, h. 474.

asas-asas dan syarat-syarat yang cukup untuk mentafsir. Tanpa asas tersebut pentafsir dikira melakukan sesuatu yang dilarang oleh Allah S.W.T.⁴

Firman Allah S.W.T.:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَٰئِكَ
كَانَ عَنْهُ مُسْتَوِيًّا (36)

Surah al-Isrā` (17): 36

Maksudnya:

"Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan diminta pertanggungjawabannya".

Oleh yang demikian, maka ilmu tafsir adalah ilmu yang paling mulia di antara ilmu-ilmu keagamaan dan bahasa Arab, kerana ketinggian topik pembicaraan dan besar pula faedahnya.⁵

1.1 Latar Belakang Masalah Kajian

Penulisan tafsir bermula pada akhir zaman Pemerintahan *Bani Umayyah* dan awal zaman Pemerintahan *Abbāsiyyah*. Pada peringkat awalnya ia masih dalam bentuk salah satu bab daripada bab-bab dalam kitab hadith. Belum lahir penulisannya secara khusus bagi mentafsir al-Qur'an surah demi surah dan ayat demi ayat dari awal hingga akhirnya.⁶

Kemudian selepas itu, barulah lahir mereka yang menulis tafsir secara khusus sebagai satu ilmu yang berdiri sendiri dan terpisah daripada hadith.

⁴ Lihat, Mohd. Zawawi Abdullah (1996), "Asas-asas Mentafsir al-Qur'an" (Kertas Kerja Seminar Pengajian Usuluddin di Universiti Malaya), h. 1.

⁵ al-Zarqānī (tt), *op. cit.*, j. 1, h. 478

⁶ Sila lihat, Mannā⁴ al-Qaṭṭān (2000), *Mabāhith fi 'Ulūm al-Qur'ān*. c. 3, Beirut : Mu'assasah al-Risālah, h. 340 ; Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (1976), *al-Taḥf wa al-Mufasssīrūn*, c. 2 Kaherah : Dār al-Kutub al-Hadithah, j. 1, h. 140.

Mereka mentafsirkannya secara urutan mengikut susunan Mushaf. Mereka yang dimaksudkan antara lain ialah Ibn Mājah [m.273H], Ibn Jarīr al-Ṭabarī [m. 310H], Abū Bakr bin al-Mundhir al-Naysāburi [m. 318H], Ibn Abī Ḥātim [m. 327H] dan lain-lain lagi. Tafsir-tafsir mereka ini pada umumnya berdasarkan riwayat yang disandarkan kepada Rasulullah S.A.W., para sahabat, tabi'in dan para pengikut tabi'in dengan melakukan *tarjih*, penentuan hukum serta *I'rab* jika perlu, seperti mana yang dilakukan oleh Ibn Jarīr al-Ṭabarī.

Kemudian selepas itu, lahir pula sebahagian para ulama yang tidak lagi mengikatkan diri mereka dengan pentafsiran hanya secara riwayat semata-mata atau *bi al-Ma'thūr* sahaja, akan tetapi mereka bertindak meringkaskan sanad-sanad hadith, mengumpul pandangan-pandangan tanpa membuat sandaran kepada pemilikinya, sehingga kadang-kadang menimbulkan kekeliruan, kerana sukar memastikan mana yang benar dan mana yang tidak.⁷

Bertitik tolak dari itu, maka lahirlah karya-karya tafsir dalam berbagai metode dan selera penulisnya. Lalu muncullah tafsir-tafsir dalam bentuk ini iaitu *Tafsīr bi al-Ra'y al-Jā'iz* dengan karya-karyanya yang cukup banyak. Antara karya-karya tersebut adalah kitab *Tafsīr al-Nasafī* dan *Tafsīr al-Jalālayn* yang menjadi fokus utama kepada penyelidikan ini.

Dalam konteks Malaysia, *Tafsīr al-Nasafī* dan *Tafsīr al-Jalālayn* adalah dua buah kitab tafsir yang tidak asing lagi di kalangan masyarakat umat Islam di rantau ini. Yang demikian, adalah kerana *Tafsīr al-Nasafī* telah dijadikan buku

⁷ *Ibid.*, h. 341.

teks bagi mata pelajaran tafsir al-Qur'an di Sekolah-sekolah Menengah Agama yang mempunyai hubungan langsung dengan Universiti al-Azhar, Mesir. Terutama dari segi pengiktirafan sijil bagi pelajar-pelajarnya untuk melanjutkan pelajaran di universiti tersebut. Justeru itu, *Tafsīr al-Nasafī* dengan sendirinya dikenali di kalangan para pelajar bidang agama dan guru-gurunya.

Sementara itu, *Tafīr al-Jalālayn* pula adalah kitab tafsir yang umum dikenali dalam masyarakat Melayu Muslim. Pengajian tafsir al-Qur'an dalam masyarakat Melayu sebenarnya tidak begitu meluas dan sepesat pengajian fekah dan Usuluddin atau akidah. Rata-rata masyarakat orang Melayu lebih mengutamakan pengajian fekah dan ilmu kalam daripada pengajian tafsir dan hadith, walaupun kedua-dua bidang tersebut merupakan asas dan usul kepada semua ilmu yang lain.

Oleh itu, kita mendapati dalam sistem pendidikan tradisional yang merupakan institusi pendidikan terawal dan tertua di rantau ini, ia lebih mengutamakan ilmu-ilmu seumpama Usuluddin, fekah dan ilmu-ilmu alat atau tata bahasa Arab. Namun begitu, *Tafīr al-Jalālayn* tetap mempunyai tempat dan diperkenalkan sebagai mata pelajaran asas dalam bidang tafsir al-Qur'an ini. Boleh jadi kerana isi kandungannya padat dan bentuk tafsirannya singkat dan ringkas, tidak banyak menyentuh aspek-aspek khusus secara mendalam kepada satu-satu ayat al-Qur'an. Oleh sebab itu, maka ia kita dapati diajar dan dijadikan teks pada kuliah-kuliah umum di masjid, surau dan tempat-tempat pengajian umum di negara kita.

Memandangkan begitu meluas tersebarinya kedua-dua tafsir ini dalam masyarakat Islam di rantau ini, maka ia menjadi sebesar-besar pendorong kepada penulis untuk melakukan penyelidikan tentang hal ini. Antara persoalan yang timbul daripada permasalahan ini ialah apakah faktor yang mempengaruhi masyarakat Islam kita memilih tafsir-tafsir ini sebagai bahan pengajian mereka ? Apakah kesan kepada kefahaman mereka terhadap al-Qur'an melalui tafsir-tafsir ini ? Lebih-lebih lagi, apabila antara kedua pengarang tafsir tersebut mempunyai perbezaan daripada segi mazhab *fihiyyah*nya, yang besar kemungkinan boleh mengelirukan masyarakat Islam kita yang majoritinya bermazhab Syafi'i.

Maka, bermulalah kajian ini dengan mengenali secara lebih dekat dan mendalam riwayat hidup setiap pengarangnya, kepakaran, ketokohan serta kedudukannya di antara barisan para Mufasirin yang terkenal sebelum dan selepasnya. Seterusnya, berusaha mengenalpasti metode, pendekatan yang diguna pakai setiap pengarang dalam tafsir mereka masing-masing. Dan akhirnya, penulis akan memastikan beberapa titik persamaan dan perbezaan yang terdapat di antara kedua-dua tafsir ini daripada beberapa aspek yang berkaitan dengan ilmu tafsir dan *Ulūm al-Qur'ān*. Dengan harapan pembaca akan dapat membandingkan di antara keduanya berdasarkan isu-isu tertentu yang dibatasi oleh skop kajian.

1.2 Masalah Kajian

Antara persoalan pokok yang dapat diperincikan sebagai masalah kajian kepada penyelidikan ini adalah sebagai berikut:

- a. Apakah biodata al-Imām al-Nasafī dan al-Imām al-Jalālayn ?

- b. Apakah bentuk dan corak *Tafsīr al-Nasafī* dan *Tafsīr al-Jalālayn* ?
- c. Berbanding dengan karya-karya tafsir yang lain, di manakah kedudukan *Tafsīr al-Nasafī* dan *Tafsīr al-Jalālayn* ?
- d. Apakah sikap dan pendekatan yang diguna pakai oleh tiga Mufasir ini dalam isu-isu tertentu ?
- e. Adakah persamaan dan perbezaan antara kedua-kedua tafsir ini ?

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa objektif dan tujuan yang utama, antara lain adalah sebagai yang berikut :

- 1.3.1 Memperkenalkan biodata tiga Imam Mufasir : al-Nasafī, al-Mahallī dan al-Suyūṭī.
- 1.3.2 Mengetahui kedudukan *Tafsīr al-Nasafī* dan *al-Jalālayn* berbanding kitab-kitab tafsir utama yang lain.
- 1.3.3 Mengetahui pendirian mereka terhadap tafsiran *al-Ḥurūf al-Muqattaʿah* dan ayat-ayat *al-Ṣifāt*.
- 1.3.4 Mengetahui keterikatan mereka dengan mazhab *fiqhiyyah* anutan masing-masing ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum.
- 1.3.5 Mengetahui keutamaan yang diberikan oleh para Mufasir tersebut terhadap *Asbāb al-Nuzūl* dan tafsir al-Qur'an dengan *al-Ḥadīth*.
- 1.3.6 Mendedahkan pendirian tiga Mufasir tersebut terhadap riwayat-riwayat *Isra'iliyyāt*.

- 1.3.7 Menjelaskan aspek-aspek utama persamaan dan perbezaan antara *Tafsīr al-Nasafī* dan *Tafsīr al-Jalālayn*.

1.4 Kepentingan Kajian

Antara lain kajian ini berkepentingan untuk:

- 1.4.1 Memberi panduan kepada para pengkaji masa kini dengan pendekatan aspek-aspek perbezaan tertentu dalam tafsiran al-Qur'an antara *Tafsīr al-Nasafī* dan *Tafsīr al-Jalālayn*.
- 1.4.2 Memudahkan para penganalisis memetik fakta-fakta penting dalam *Tafsīr al-Nasafī* dan *Tafsīr al-Jalālayn* ketika membuat kajian terhadap kedua tafsir berkenaan.
- 1.4.3 Menjelaskan kepada masyarakat umat Islam terhadap kedudukan *Tafsīr al-Nasafī* dan *Tafsīr al-Jalālayn* dalam berpegang kepada keduanya.
- 1.4.4 Menyedarkan masyarakat pendakwah yang menjadikan kedua tafsir ini sebagai rujukan dalam usaha dakwah mereka bahawa ada beberapa kelemahan yang perlu dibetulkan fakta-faktanya.
- 1.4.5 Menyumbangkan kesinambungan ilmu dalam dunia akademik.

1.5 Bidang dan Skop Kajian

Bidang kajian ini adalah metodologi tafsir. Oleh kerana kajian ini dalam bentuk dan corak perbandingan, maka penulis telah membataskan skop kajian ini kepada beberapa isu utama sebagai asas perbandingan antara *Tafsīr al-Nasafī* dan *Tafsīr al-Jalālayn*.

Isu-isu yang dimaksudkan adalah sebagai berikut :

1. Huruf Singkatan pada awal surah atau *al-Ḥurūf al-Muqattaʿah*.
2. Permasalahan Hukum Fekah atau *al-Masā'il al-Fiqhiyyah*.
3. Sebab-sebab Penurunan Ayat atau *Asbāb al-Nuzūl*.
4. Tafsir al-Qur'ān dengan *al-Ḥadīth*.
5. Riwayat *Isrā'iliyyāt*.
6. Ayat-ayat berkenaan sifat-sifat Allah (*āyāt al-ṣifāt*).

Penulis akan hanya memfokuskan kajian perbandingan ini kepada isu-isu tersebut di atas sahaja. Sementara aspek-aspek yang lain lagi tidak termasuk dalam ruang lingkup kajian ini. Rasionalnya, isu-isu tadi dipilih kerana ia termasuk topik-topik utama dalam pengajian ilmu-ilmu al-Qur'an serta pendirian setiap Mufasir tentangnya turut memberi kesan yang besar terhadap kefahaman masyarakat dan pengamalan mereka dalam hidup harian.

1.6 Ulasan Penulisan dan Kajian Terdahulu

Setakat ini penulis tidak menemui sebarang penyelidikan dilakukan dalam konteks perbandingan secara khusus antara *Tafsīr al-Nasafī* dan *Tafsīr al-Jalālayn* iaitu dua buah kitab tafsir yang dikaji. Namun begitu, disebabkan kajian ini secara langsung melibatkan bidang metodologi tafsir para Mufasirin, maka di sana didapati hasil karya para ilmuan dahulu dan sekarang tentang itu (*manāhij al-mufasssīrīn*) secara umum telah banyak dihasilkan ulama dari masa ke semasa. Karya-karya tersebut sedikit sebanyak telah menjadi landasan asas serta pembuka jalan kepada penulis untuk melihat secara lebih teliti dan mendalam khususnya

tentang metodologi kedua-dua buah tafsir yang dikaji. Karya-karya tersebut adalah sebagai berikut:

1. *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn* oleh Dr. Muḥammad Husayn al-Dhahabī, Profesor *‘Ulūm al-Qur’ān wa al-Ḥadīth*, Fakulti Syari’ah, Universiti al-Azhar, Mesir. Karya ini merupakan sebuah kajian tentang perkembangan *tafsīr al-Qur’ān*, metodologi para Mufasirin serta bentuk dan corak penulisan tafsir al-Qur’an dari peringkat awal zaman penulisan sehingga ke zaman moden sekarang. Secara sepintas lalu dan ringkas beliau turut mengulas tentang biodata kedua-dua pengarang tafsir yang dikaji serta metode pentafsiran mereka masing-masing.
2. *Manāḥij al-Mufasssīrīn* oleh Dr. Muni^c ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, pensyarah tafsir dan *‘Ulūm al-Qur’ān*, Fakulti Usuluddin, Universiti al-Azhar. Pengarang dalam karyanya ini menyingkap sejarah para ulama yang pakar dalam bidang tafsir al-Qur’an dan *‘Ulūm al-Qur’ān* dengan menyebut biodata mereka secara ringkas dan metode pentafsiran al-Qur’an dalam karya mereka masing-masing. Justeru itu, dalam karya ini juga pengarangnya turut menyentuh berkenaan tafsir yang dikaji.
3. *Manāḥil al-‘Irfān fī ‘Ulūm al-Qur’ān* oleh al-Syaykh Muḥammad ‘Abd al-‘Azīm al-Zarqānī, Profesor *‘Ulūm al-Qur’ān* dan *‘Ulūm al-Ḥadīth*, Fakulti Usuluddin, Universiti al-Azhar. Pengarang dalam karya ini telah membincangkan topik-topik *‘Ulūm al-Qur’ān* secara khusus dan terperinci.

Pada bahagian akhirnya dibincangkan juga berkenaan tafsir dan para Mufasirin dengan mengemukakan metodologi tafsir mereka masing-masing.

4. *Uṣūl al-Tafsīr wa Qawā'iduh* oleh al-Syaykh Khālīd °Abd al-Raḥmān al-°Ak, pensyarah di *Idārah al-Iftā' al-°Ām* di Damsyiq. Karya ini lebih tertumpu kepada kedah-kaedah asas dalam mentafsirkan al-Qur'an sama ada melalui metode *Naqlī*, *°Aqlī* dan *Isyārī*. Ia dapat membantu dalam usaha menentukan kedudukan dua buah tafsir yang dikaji.
5. *Tārīkh al-Tafsīr wa Manāhij al-Mufasssīrīn* oleh °Abd al-°Azīm Aḥmad al-Ghabbāsyī, pensyarah tafsir, Fakulti Usuluddin, Universiti al-Azhar.
6. *Uṣūl al-Tafsīr wa Manāhijuh* oleh Dr. Fahd bin °Abd al-Raḥmān bin Sulaymān al-Rūmī, pensyarah pengajian al-Qur'an di *Kulliyah al-Mu'allimīn*, Riyadh, Saudi Arabia. Dalam karya ini pengarang telah membahagikan corak-corak atau *Asālib al-Tafsīr* kepada empat iaitu tafsir *Tahlīlī*, *Ijamālī*, *Muqāran* dan *Mawḍū'ī*. Berasaskan pembahagian tersebut pengkaji menentukan corak persembahan kedua-dua tafsir yang dikaji.

Selain daripada itu, terdapat di sana beberapa kertas kerja ditulis para ilmuan sempena persidangan memperingati berlalunya lima abad kematian al-Imām Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, yang berlangsung di ibu kota Mesir, Kaherah pada 3-5 April 1993, antaranya sebagai berikut :

1. *Al-Suyūṭī al-Mufasssir, Madhhabuh fī al-Tafsīr, Māzah Tafsīrih, Atharuh fī al-Dirāsāt al-Qur'āniyyah* oleh Dr. °Abd al-Salām Muḥammad Abū al-Nabl, Universiti Kuwait, Kuwait. Dalam tulisannya penulis menjelaskan metodologi yang diguna pakai oleh al-Imam al-Suyūṭī ketika mengarang kitab *al-Durr al-Manthūr fī al-Tafsīr al-Ma'thūr* dengan menyenaraikan sumber-sumber rujukannya daripada kitab-kitab Tafsir, °Ulūm al-Qur'ān, al-Ḥadīth daripada pelbagai bentuk, Tarikh, Akidah, Fikah dan Bahasa Arab. Selain daripada itu, tersenarai juga sumber-sumber yang masih dalam bentuk manuskrip yang belum ditahqiq dan dicetak. Demikianlah secara terperinci dianalisis tentang aliran pemikiran dan metode al-Suyūṭī dalam mentafsir al-Qur'an.

2. *Al-Riwāyah °ind al-Imām al-Suyūṭī fī Tafsīr al-Jalālayn* oleh Nūr al-Dīn °Itr, Fakulti Syari'ah, Universiti Dimisyq. Dalam tulisan ini penulis memperlihatkan kepentingan sumbangan al-Imām al-Suyūṭī terhadap kitab *Tafsīr al-Jalālayn* serta menjelaskan sejarah bagaimana kitab ini ditulis. Ada pun yang paling penting dalam tulisan ini ialah penulis mendedahkan sejauh mana al-Imām al-Suyūṭī memberi keutamaan kepada aspek *riwayah* dalam tafsir ini. Ia termasuk aspek-aspek *Ashāb al-Nuzūl*, *Tafsīr al-Qur'ān* dengan *al-Ḥadīth*, *al-Isrā'īliyyāt* dan tidak ketinggalan menyebut tentang riwayat-riwayat palsu dan rekaan dalam *Tafsīr al-Jalālayn*.

3. *Al-Imām al-Suyūṭī, Makānatuh wa Āthāruh al-°Ilmiyyah fī al-Tafsīr wa al-Fiqh wa al-Ḥadīth* oleh Dr. Tawfiq Yūsuf al-Wā'ī. Dalam tulisan ini penulis menonjolkan kepakaran al-Imām al-Suyūṭī dalam beberapa bidang ilmu

seumpama *'Ilm al-Ḥadīth*, *'Ilm Rijāl al-Ḥadīth* dan karya-karyanya dalam bidang tersebut. Kemudian dijelaskan juga kedudukan al-Suyūṭī sebagai *Faqīh*, Pakar Bahasa dan *al-Mawsū'ī* atau Ensiklopedik.

Demikianlah antara lain, beberapa karya dan hasil kajian yang mendasari penyelidikan ini sebagai satu usaha ke arah mengenali secara lebih dekat kedua-dua buah tafsir yang popular di rantau ini.

1.7 Metodologi Penyelidikan.

Kajian ini adalah merupakan kajian perpustakaan yang melibatkan dua metode utama iaitu metode pengumpulan data dan maklumat, kemudian metode penganalisan data yang telah dikumpulkan.

a. Metode Pengumpulan Data

Dalam usaha mengumpulkan data, penyelidik mengenalpasti sumber-sumber data daripada bahan-bahan bercetak yang terdapat di dalam dan luar negara. Bahan-bahan tersebut boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu bahagian pengajian al-Qur'an termasuk *Tafsīr al-Qur'ān* dalam berbagai bentuk dan coraknya, sama ada dalam bentuk kitab *turāth* mahupun karya masa kini, *'Ulūm al-Qur'ān*, *Uṣūl al-Tafsīr*, *Tabaqāt al-Mufasssīrīn*, *Manāhij al-Mufasssīrīn* dan bahagian-bahagian lain yang mempunyai hubungan rapat dengan tajuk kajian seperti *al-Ḥadīth* dan huraianannya, fekah dalam empat mazhab, akidah, sejarah dan kitab-kitab biografi tokoh ilmuan dan pengarang.

b. Metode Penganalisisan Data

Setelah data-data yang diperlukan terkumpul, ia dibagikan kepada beberapa bahagian mengikut kesesuaian pembahagian bab yang telah ditetapkan. Data-data persejarahan dikelompokkan bagi penganalisisan untuk bab kedua tentang biografi para Mufasir seperti al-Nasafi, al-Mahalli dan al-Suyūṭī serta sumbangan mereka dalam dunia ilmiah. Sementara data-data yang berkaitan dengan landasan teori pula dianalisis untuk keperluan bab ketiga iaitu berkenaan dengan Definisi Tafsir, Keperluan kepada Tafsir dan Keutamaan Ilmu Tafsir. Seterusnya Definisi *Manāḥij al-Tafsīr*, Perkembangan Ilmu Tafsir dan Pembahagian Tafsir dari berbagai aspeknya. Dan akhirnya kedudukan Tafsir al-Nasafi dan Tafsir al-Jalālayn di antara kitab-kitab tafsir yang lain.

Adapun metode perbandingan yang menjadi fokus utama bagi bab keempat, penyelidik menentukan lima isu pokok yang menjadi asas kepada perbandingan antara dua buah tafsir yang dikaji. Isu-isu tersebut ialah pertama *al-Ḥurūf al-Muqaṭṭa'ah*, kedua Permasalahan *Fiqhiyyah*, ketiga *Asbāb al-Nuzūl*, keempat *Tafīr al-Qur'ān* dengan *al-Ḥadīth*, Kelima Riwayat *Isrā'iliyyat* dan keenam Ayat-ayat Sifat.

Bagi isu pertama, penyelidik mengenalpasti terlebih dahulu surah-surah al-Qur'an yang dimulai dengan *al-Ḥurūf al-Muqaṭṭa'ah*, lantas huruf-huruf tersebut daripada setiap surah al-Qur'an dirujuk tafsirannya kepada kedua-dua kitab tafsir yang dikaji. Kemudian kedua-dua tafsiran mereka dibandingkan dengan penuh teliti. Setelah itu penyelidik mengemukakan juga pandangan para ulama salaf dan

khalaf tentang tafsiran mereka terhadap huruf-huruf tersebut. Dengan cara demikian, ternyatalah pendirian al-Nasafī dan al-Jalālayn terhadap huruf-huruf tersebut dan sekali gus jelaslah perbezaan dan persamaan mereka dalam mentafsirkannya. Juga akhirnya dapat dipastikan siapakah di antara mereka yang mengikuti pendekatan ulama salaf atau khalaf dalam tafsirannya.

Isu kedua Permasalahan *Fihiyyah*, sebagai langkah pertama penyelidik mengumpulkan ayat-ayat yang berkaitan dengan hukum-hakam daripada al-Qur'an, kemudian ia dipilih hanya sebahagian daripadanya sebagai sampel. Bagi setiap ayat al-Qur'an yang dijadikan sampel ini dirujuk tafsirannya kepada kedua-dua kitab tafsir yang dikaji untuk melihat bagaimana mereka mentafsirkan ayat-ayat tersebut. Setelah itu, penyelidik mengemukakan pandangan setiap mazhab fekah dalam kes-kes berkenaan. Dengan demikian akan ternyata sejauh mana pengaruh mazhab anutan para Mufasir tadi dalam tafsiran mereka terhadap ayat-ayat hukum. Secara umumnya dapat juga dikenalpasti apakah mereka berada di tahap taksub kepada mazhab fekah yang dianuti atau sebaliknya.

Sementara isu *Asbāb al-Nuzūl dan Tafṣīr al-Qur'ān* dengan *al-Ḥadīth*, penyelidik berusaha mengenalpasti ayat-ayat al-Qur'an yang mempunyai sebab-sebab penurunannya dan juga ayat-ayat yang ditafsirkan oleh al-Hadith. Tujuannya untuk melihat sejauh mana kedua-dua tafsir yang dikaji memberi keutamaan kepada dua aspek penting ini ? Seterusnya meneliti bagaimana cara mereka membentangkan riwayat-riwayat yang berkaitan dengan ayat yang ditafsirkan ? Adakah riwayat-riwayat tersebut dibawa dalam bentuk yang ringkas atau sebaliknya? Begitu juga dengan isu Riwayat Isra'iliyyat, ia dikaji sama ada

mereka terpengaruh dengan kitab-kitab tafsir terdahulu yang kaya dengan riwayat-riwayat Isra'iliyyat yang sebahagiannya tiada asas sama sekali atau sebaliknya ? Juga dilihat adakah mereka memberi komentar atau kritikan terhadap riwayat yang mereka kemukakan ?

Akhirnya, tentang isu Ayat-ayat Sifat, penyelidik mengenalpasti ayat-ayat yang berkaitan dengannya di dalam al-Qur'an, kemudian dirujuk kepada tafsiran al-Nasafi dan al-Jalalayn dalam tafsir mereka. Di samping itu, penyelidik mengemukakan juga pendekatan ulama salaf dan khalaf berkenaan dengannya. Dengan cara demikian, dapatlah memastikan pendirian para Mufasir yang dikaji sama ada cenderung kepada pendekatan salaf atau khalaf dalam tafsiran mereka.

1.8 Sistematika Penulisan.

Tesis ini dibahagikan kepada lima bab utama dan beberapa tajuk kecil sebagai berikut :

Bab Satu :

Bab ini merupakan pendahuluan, ia membicarakan tentang latar belakang masalah kajian, kenyataan tentang masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, bidang dan skop kajian, sepintas lalu berkenaan ulasan penulisan terdahulu yang berkaitan dengan masalah kajian, secara ringkas menyentuh tentang metodologi penyelidikan dan akhirnya sistematika penulisan.

Bab Kedua :

Dalam bab ini penulis memperkenalkan ketiga-tiga tokoh Mufasir yang dikaji iaitu al-Imām al-Nasafī, al-Imām Jalāl al-Dīn al-Maḥallī dan al-Imām Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī. Biografi mereka masing-masing dianalisis secara terperinci. Turut dijelaskan sumbangan mereka masing-masing kepada dunia ilmiah dengan hasil karya dalam berbagai bidang ilmu, terutama bagi al-Imām al-Suyūṭī yang terkenal sebagai antara ulama yang paling banyak meninggalkan warisan karyanya dan sekali gus mendapat gelaran sebagai ensiklopedik.

Bab Tiga :

Dalam bab ini penulis mulai dengan memberi definisi kepada tafsir, perbezaan antara tafsir dan ta'wil, keperluan dan keutamaan tafsir. Kemudian dihuraikan pengertian *Manāḥij al-Tafsīr* serta perkembangan tafsir al-Qur'an dan *manahijnya*. Ia bermula daripada tafsir pada zaman Rasulullah S.A.W., zaman sahabat r.a., zaman tabiin, seterusnya ke era penulisan tafsir al-Qur'an yang melalui beberapa tahap sehingga ke hari ini. Kemudian membincangkan pula tentang pembahagian tafsir al-Qur'an daripada aspek *manhaj* kepada *Tafsīr bi al-Ma'thūr*, *Tafsīr bi al-Ra'y*, *al-Tafsīr al-Isyārī*, *al-Tafsīr al-Fiqhī*, *al-Tafsīr al-'Ilmī*, *al-Tafsīr al-Ijtimā'i* dan *al-Tafsīr al-Bayānī*, seterusnya pembahagian tafsir daripada aspek metode persembahan pula kepada *Tafsīr al-Taḥlīlī*, *Tafsīr al-Jamālī*, *Tafsīr al-Muqāran* dan *Tafsīr al-Mawḍū'ī*. Dan akhirnya menjelaskan kedudukan *Tafsīr al-Nasafī* dan *al-Jalalayn* di antara tafsir-tafsir yang lain.

Bab Keempat :

Dalam bab ini penulis mengemukakan analisis perbandingan untuk melihat pendekatan yang diambil oleh para Mufasir dalam *Tafsīr al-Nasafī* dan *Tafsīr al-Jalālayn* terhadap beberapa isu yang ditentukan. Isu-isu tersebut dibahagikan kepada enam bahagian iaitu pertama *al-Ḥurūf al-Muqatta'ah*, kedua permasalahan *fiqhiyyah*, ketiga *Asbāb al-Nnuzūl*, keempat Tafsir al-Qur'an dengan *al-Ḥadīth*, kelima *Riwāyat Isra'iliyyāt* dan keenam Ayat-ayat berkenaan Sifat Allah atau *Ayāt al-Ṣifāt*.

Bab Kelima :

Bab ini merupakan penutup. Dalam bab ini penulis mengemukakan beberapa kesimpulan yang dapat dirumuskan daripada hasil kajian yang telah dilakukan, dan diiringi dengan beberapa saranan yang dikira bermanfaat terutama kepada para pelajar dan pengkaji dalam bidang pengajian al-Qur'an, ahli akademik dan ilmuan Islam demi kebaikan Islam dan umatnya buat masa kini dan akan datang.